

R GB 15-07 00166 BA257

bah

SAMY VELLU TIDAK AKAN DIGANTUNG KERJA ATAU DIMINTA BERCUTI

Mahathir - Samy Vellu

KUALA TERENGGANU, 15 Julai (Bernama) -- Yerdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Seri Samy Vellu tidak akan digantung kerja atau diminta bercuti berikutan siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR) ke atasnya sekarang.

Katanya, tindakan sedemikian tidak terdapat dalam peraturan ke atas menteri, tidak seperti pegawai kerajaan yang boleh diambil tindakan sedemikian sekiranya mereka disiasat, oleh BPR umpamanya.

Perbezaan antara pegawai kerajaan dan menteri ialah pegawai kerajaan mengendalikan wang kerajaan tetapi menteri tidak, kata beliau pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

+Menurut peraturan yang ada pada kita, kita tunggu sampai keputusan siasatan,+ kata beliau

Dr Mahathir berkata, kredibiliti atau imej kerajaan tidak terjejas dengan membenarkan menteri yang sedang disiasat menjalankan tugas seperti biasakerana seseorang itu belum bersalah sehingga dibuktikan kesalahannya.

- - Lagi.

♥15/07/17-57MST

CNS9180

R GB 15-07 00098 BA258

bah

Mahathir - Samy Vellu 2 (Akhir) Kuala Terengganu

Soal kredibiliti akan timbul jika Kerajaan tidak membenarkan BPR menyiasat menteri. tetapi apa yang berlaku sekarang ialah kerajaan tidak menghalang badan itu daripada menyiasat sesiapa sahaja yang perlu disiasat.

Perkara sedemikian sebenarnya kredibiliti kerajaan kerana ia memberi kredit kepada kerajaan, katanya.

+Saya masih ingat dahulu Abdul Rahman Talib (bekas Menteri Pelajaran) telah di tuduh.. dibawa ke mahkamah... dia tidak diberhentikan sehingga dia didapati bersalah,+ katanya.

Perdana Menteri juga menyangkal desas-desus kononnya akan berlaku rombakan kabinet tidak lama lagi. -- Bernama.

♥15/07/18-04MST